

11/06/2005

Mahathir-Konsulat

DR MAHATHIR RASMI KONSULAT THAI DI LANGKAWI

LANGKAWI, 11 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukaan pejabat Konsulat Diraja Thailand di sini malam tadi dan menyatakan keyakinannya bahawa ia akan dapat meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Katanya pembukaan pejabat Konsulat Thailand di pulau peranginan ini juga akan menjadikan sektor pelancongan di Langkawi lebih rancak.

"Ini adalah satu langkah yang baik memandangkan kemasukan pelancong dari Thailand ke Langkawi semakin bertambah," katanya pada sidang media selepas merasmikan pejabat itu di Kampung Tok Senik Resort di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Thailand Dr Kantathi Suphamongkhon dan Konsul Kehormat Diraja Thailand di Langkawi Datuk Shazryl Eskay Abdullah, yang dilantik ke jawatan itu pada 1 Mei lepas.

Dr Mahathir berkata sebelum ini pelancong Thailand dan negara lain terpaksa ke Pulau Pinang untuk menyelesaikan pelbagai urusan dan pembukaan pejabat berkenaan adalah selaras dengan konsep Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Katanya kemasukan pelancong Thailand yang semakin ramai secara tidak langsung akan turut menyumbang kepada promosi untuk Langkawi.

Sementara itu Dr Kantathi berkata pembukaan pejabat Konsulat Diraja Thailand di Langkawi itu akan menggalakkan kemasukan pelancong antara kedua-dua negara dan mempertingkatkan hubungan antara rakyat Thailand dan Malaysia.

"Ini merupakan lembaran baru dalam hubungan (antara kedua-dua negara)," kata beliau.

-- BERNAMA

MAN KHY